



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI**  
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

## **SIARAN MEDIA**

### **PROGRAM N-GENE BAKAL MEMPERKASA SOSIO-EKONOMI GRADUAN BELIA**

**Putrajaya, 26 Ogos 2021** – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ) telah melancarkan Program New Gen Entrepreneurs Online Bootcamp (N-GENE) untuk menggalakkan bidang keusahawanan.

Program ini merupakan program berstruktur yang akan membantu 2,000 orang belia dan graduan memulakan perniagaan. Ianya merupakan kesinambungan daripada program PROTÉGÉ – Ready to Work yang akan menyuntik semangat graduan belia untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya utama mereka setelah tamat pengajian.

MEDAC prihatin dengan persaingan dalam mendapatkan peluang pekerjaan yang terhad dalam situasi pandemik ini. Para graduan perlu keluar daripada kepompong pemikiran konvensional daripada menjadi pencari kerja iaitu “makan gaji” kepada pencipta pekerjaan atau *job creator* dengan menjadikan bidang keusahawanan sebagai pilihan utama selepas tamat pengajian.

Peserta Program N-GENE akan dilatih untuk memulakan perniagaan melalui latihan keusahawanan berstruktur yang merangkumi latihan asas keusahawanan serta bimbingan perniagaan selama tujuh (7) bulan yang diterajui oleh PROTÉGÉ. Selain daripada latihan keusahawanan dan bimbingan perniagaan, peserta program ini juga akan diberikan geran mikro permulaan perniagaan bernilai RM 3,000 seorang.

Program berimpak tinggi khususnya kepada golongan graduan belia ini turut mendapat sokongan daripada SME Bank CEDAR, PERNAS, INSKEN dan juga TEKUN Nasional. Program ini terbuka kepada belia atau graduan yang berusia antara 18 hingga 30 tahun yang berminat untuk menjadi usahawan atau kepada mereka yang baru memulakan perniagaan digalakkan untuk memohon.

Program N-GENE yang merupakan salah satu inisiatif di bawah PEMERKASA telah memperlihatkan kolaborasi antara MEDAC, Kementerian Pengajian Tinggi serta Kementerian Belia dan Sukan. Selain N-GENE, sebanyak 21 program atau inisiatif dengan anggaran kos RM83.4 juta telah dirangka di bawah kerjasama ini bagi membudayakan keusahawanan di kalangan belia, graduan dan atlet sejak Mei 2020. Sehingga 30 Jun 2021, rekod menunjukkan seramai 1,238 orang daripada kumpulan sasaran telah menerima manfaat dari kolaborasi ini.

Sejak penjenamaan pada 2019, PROTÉGÉ telah berjaya melatih seramai 13,135 orang graduan untuk mendapatkan pekerjaan dan seramai 1,643 orang graduan telah berjaya diserap ke jawatan tetap.

MEDAC akan terus kekal komited bagi membantu graduan dan belia dalam menceburi bidang keusahawanan agar selari dengan objektif Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) bagi membentuk masyarakat Malaysia yang berpemikiran dan berbudaya keusahawanan.

Bagi sebarang maklumat lanjut, syarat dan cara permohonan Program N-GENE dapat diakses melalui pautan laman web [http://protege.gov.my/www/index.php?id=9&page\\_id=82](http://protege.gov.my/www/index.php?id=9&page_id=82) dan media sosial rasmi PROTÉGÉ. Sekretariat juga boleh dihubungi melalui talian 03-2935 8989 atau e-mel [protege.ngene@medac.gov.my](mailto:protege.ngene@medac.gov.my).

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**